

2 MAC 2018

Enam warga Thailand didakwa

KOSMO! JUMAAT 2 MAC 2018

NEGARA 17

Dituduh miliki senjata api, 150 butir peluru dan pelbagai jenis dadah Enam warga Thailand didakwa

Oleh FIRDAUS HASSAN

KOTA BHARU — Enam individu warga Thailand termasuk tiga wanita ke Mahkamah Sesyen dan dua Mahkamah Majistret di sini semalam atas kesalahan memiliki senjata api, peluru dan dadah di Ketereh, bulan lalu.

Kesemua tertuduh, Surin Samah, 31; Tuansalmiza Nikkecik, 33; Husna Abdul, 55; Sahtee A. Wae, 39; Bungsak Krempek, 23, dan A-Noosara Toseng, 19, mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan masing-masing Hakim Ahmad Bazli Bahruddin serta Majistret, Mohd. Izuddin Mohd. Shukri dan Kamarul Hasyime Rosli.

Berdasarkan pertuduhan, Surin didakwa memiliki sepucuk pistol Uzi Eagle warna hitam dan perak kaliber 9 millimeter (mm). Ibu Surin, Husna dan isterinya, Tuansalmiza pula didakwa ada bersama lelaki itu di sebuah rumah beralamat Lot, 917-B, Jalan Kampung Lancang, Ketereh di sini kira-kira pukul 4.40 pagi pada 3 Februari lalu.

Kedua-dua mereka didakwa mengikut Seksyen 9 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat)



ENAM warga Thailand dilirigi anggota polis apabila dihadapkan di Mahkamah Sesyen dan dua Mahkamah Majistret Kota Bharu atas kesalahan memiliki senjata api, peluru dan dadah semalam.



1971 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Tiga lagi tertuduh, Sahtee, Bungsak dan A-Noosara masing-masing dituduh bersama-sama memiliki tiga pucuk pistol iaitu dua pucuk pistol tanpa jenama dan sepucuk pistol Smith & Wesson.

Bagi kesalahan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 14 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Surin turut didakwa memiliki 14 butir peluru 9mm tanpa lesen atau permit yang sah manakala Sahtee, Bungsak dan A-Noosara pula masing-masing didakwa memiliki 150 butir anak peluru tanpa lesen dan permit yang sah.

Kesemua mereka didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8 Akta Senjata 1960 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda RM10,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, di mahkamah majistret berasingan, kesemua tertuduh masing-masing didakwa dengan lapan pertuduhan memiliki dadah jenis methamphetamine, nimetazepam dan kodein pada tarikh dan lokasi sama.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12(3) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara lima tahun, jika sa-

bit kesalahan

Kes dikendalikan Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya, Siti Hajar Alias, Sharifah Amirda Shasha Amir Shariffuddin dan Muhamad Shahirun Azri Mohd. Nordin manakala kesemua tertuduh diwakili peguam bela, Mohd. Hazrin Alif.

Mahkamah tidak memberikan sebarang jaminan dan kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 1 April depan.

Kesemua tertuduh dihantar ke Penjara Pengkalan Chepa di sini.